

RAJA SHAH ERMAN RAJA ARIFIN

Personaliti Pilihan

Siapa yang tidak kenal dengan personaliti ini? Beliau yang bersifat berani dan perwatakannya petah dan lincah berbicara serta bijak melontarkan idea baru membuatkan beliau sering diundang untuk mengacarakan sebarang majlis atau program bukan sahaja di peringkat universiti malah kebangsaan. Di samping itu juga, beliau merupakan penceramah atau fasilitator yang sentiasa hebat mengendalikannya sebarang program atau kursus motivasi, kepimpinan, jatidiri dan sebagainya.



Personaliti yang ingin diketengahkan pada edisi MyUniMAP kali ini ialah YM Raja Shah Erman Raja Arifin atau dikenali sebagai Eman atau Shah. Anak kedua daripada enam adik-beradik ini telah dilahirkan pada 21 September tahun 1979 di Hospital Besar Kuala Lumpur. Bapa beliau iaitu YM Raja Arifin Raja Ahmad merupakan seorang pesara kerajaan manakala ibu beliau iaitu Puan Rohana Abd. Majid pula merupakan seorang suri rumahtangga sepenuh masa.

Beliau telah mendirikan rumahtangga pada tahun 2006 dan dikurniakan seorang cahaya mata. Isteri tercinta yang sentiasa menyokong kerjaya beliau iaitu Puan Ezdiany Che Mat merupakan Eksekutif di OSK Investment Kangar manakala puteri beliau yang comel baru sahaja berusia setahun iaitu Raja Ez Durrani Shah. Apa yang menarik dalam kisah percintaan pasangan ini, mereka mula menemui bibit kasih dan cinta semasa berada di padang kawad, Kem Sungai Besi semasa keduanya menyertai Pasukan Askar Wataniah Rej.515. Apabila disingkap kembali mengenai latar belakang personaliti ini maka tidak hairanlah beliau telah bergiat aktif dan cemerlang sejak di bangku sekolah lagi. Beliau telah mendapat pendidikan awal di SK Sg. Tua Baharu, Batu Caves Selangor manakala peringkat menengah di Sek. Agama Menengah Rawang dan Sek. Men. Agama Kuala Lumpur dalam aliran ekonomi. Sepanjang berada di peringkat sekolah beliau bukan sahaja aktif dalam kegiatan kokurikulum malah cemerlang di bidang akademik. Beliau pernah bergiat aktif dalam Persatuan Pengakap, Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) dan Persatuan Bahasa Inggeris. Malah beliau pernah menjadi Johan Pertandingan Syarahan Bahasa Melayu Peringkat Daerah Gombak. Kecemerlangan beliau dalam kokurikulum juga berterusan dengan pernah menjadi Johan bagi Pertandingan Syarahan Bahasa Arab di peringkat Sekolah Menengah dan Pertandingan

Sajak Peringkat SAM/SMA Jabatan Agama Islam Selangor. Beliau juga bergiat aktif dalam Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia (PSSGM). Apatah lagi beliau merupakan bekas Gurulatih Muda PSSGM peringkat kebangsaan. Siapa sangka beliau juga pernah menerima Anugerah Cemerlang bagi Subjek Ekonomi Asas dan Sejarah. Pada 1997, beliau telah diterima untuk melanjutkan pelajaran di Pusat Persediaan UiTM Shah Alam dalam bidang perakaunan sebarang persediaan untuk ke United Kingdom namun atas faktor ekonomi negara, beliau telah diberi pilihan untuk menyambung pengajian di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dalam bidang Ijazah Sarjana Muda (Perakaunan) dengan Kepujian. Latarbelakang sekolah agama yang diperolehi telah meneruskan minat beliau dalam bidang syariah sehinggakan dalam masa yang sama secara diam-diam telah meyambung pengajian di peringkat Diploma Pengajian Syariah (Undang-Undang Syariah) di Universiti Malaya.

Shah telah mula berkhidmat bersama UniMAP sejak 1 Disember 2005 lagi sebagai seorang Penolong Pendaftar. Bermula di Jabatan Hal Ehwal Pelajar, kemudian di Unit Pembangunan Lestari dan kini beliau bertugas di Unit Kajian Strategik, Pejabat Naib Canselor. Disamping itu juga beliau telah dilantik sebagai Penolong Pengetua Kolej Kediaman UniMAP. Sebelum menyertai UniMAP beliau telah menimba banyak pengalaman bekerja di sektor swasta selepas menamatkan pengajian iaitu di Pos Malaysia Berhad, Sime Darby Berhad dan Tanco Holding. Beliau juga pernah berkhidmat di Biro Tatanegara, JPM Cawangan Perlis. Beliau merupakan seorang yang gemar melakukan aktiviti-aktiviti sosial seperti berbual untuk berkongsi pandangan serta idea dan ini menjadikan beliau seorang personaliti yang begitu peramah dan mudah mesra. Beliau juga seorang yang berketrampilan kemas dan sentiasa berfikir untuk pembangunan organisasi dari semasa ke semasa.

"Pengalaman manis yang paling tidak dapat saya lupakan dalam hidup adalah apabila berpeluang bertemu dengan pemimpin-pemimpin negara dan negeri." Tanpa disedari, beliau telah mengacarakan lebih seratus majlis di UniMAP sejak tahun 2006 dan lebih sepuluh majlis di peringkat kebangsaan atau negeri khususnya anjuran Kementerian Pelancongan Malaysia sejak tahun 2008. Aznil Hj Nawawi iaitu pengacara nombor satu negara dan Zakiah Anas adalah idolannya dalam bidang pengacaraan. YAB Datuk Seri Ali Rustam, Menteri Besar Melaka pula adalah pemimpin yang paling disegani beliau manakala Tan Sri Datuk Seri Hj Harussani Zakaria, Mufti Perak pula adalah pemimpin atau tokoh agama yang dihormati dan diikuti perkembangannya oleh beliau dalam bidang ilmu keagamaan. Berikanlah apa juga kerja atau tanggungjawab kepada beliau nescaya beliau akan sentiasa cuba melakukan yang terbaik. "Prinsip hidup saya adalah selagi diberi kepercayaan, InsyaAllah saya akan cuba laksanakan amanah itu sebaiknya.." Beliau begitu serius dalam bidang kerjanya dan tidak suka membuang

masa. Di samping itu juga beliau sentiasa kreatif dalam menghasilkan sesuatu yang baru. "Saya telah menguruskan program sejak zaman sekolah lagi, dan terus ke Universiti. Saya lebih memahami bagaimana untuk menguruskan sesuatu program terutamanya melibatkan mahasiswa. Sebab itulah saya lebih terbuka untuk berkongsi dengan sesiapa sahaja", ujar Shah yang pernah menjadi Ketua Pengarah Program Baktisiswa Perdana di 10 negeri serentak di seluruh negara pada tahun 2002. Beliau juga pernah menyertai SIFE peringkat kebangsaan dan memenangi tempat ke-2.

Atas sifat dedikasi dan kecemerlangan personaliti ini telah banyak anugerah-anugerah yang pernah beliau perolehi. Antaranya ialah Anugerah Khas Pengawas (Kepimpinan Terpuji), SRKK Sg. Tua Bahru, Bt. Caves pada tahun 1992 dan Anugerah Kepimpinan Asrama (Setiausaha), SAM Rawang, Selangor, 1996. UNITEN juga pernah menganugerahkan beliau sebagai penerima Anugerah Kepimpinan Mahasiswa dan Anugerah Kesukarelawan Mahasiswa bagi dua tahun berturut-turut iaitu 2001 dan 2002. Manakala atas perkhidmatan cemerlang beliau bersama UniMAP, Anugerah Seri Gemilang (ASG) telah menganugerahkan beliau dengan Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang (Versatil) 2006 dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2008. UniMAP berbangga dan beruntung mempunyai staf yang berkarisma tinggi dan versatil seperti beliau. Pelbagai sumbangan dan khidmat bakti yang telah beliau curahkan kepada UniMAP sama ada dalam pembangunan pelajar, staf atau pun organisasi UniMAP itu sendiri.



"Sepanjang bersama UniMAP, pengalaman manis yang tidak dapat saya lupakan adalah apabila berpeluang bekerja dalam satu pasukan yang hebat dalam penganjuran majlis atau program bertaraf bintang. Sesungguhnya saya tidak akan ke tahap hari ini jika tidak diberi peluang dan dorongan oleh Dato' Kamarudin sendiri... Terima kasih Dato'..kata beliau yang turut berterima kasih kepada semua sahabat-sahabat di UniMAP yang terus memberi kepercayaan kepada beliau. Misi beliau adalah untuk terus mempromosikan kehebatan personaliti staf UniMAP melalui kerjaya kreatif di persada tanahair. "Saya berharap dalam beberapa tahun lagi, Unit Kajian Strategik UniMAP akan dinaiktaraf dengan usaha semua staf yang ada dan menjadi pusat rujukan negeri dan negara dalam sektor pendidikan, ekonomi, sosial dan politik yang terunggul di Malaysia..."